NO SOALAN :464

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL (SUNGAI PETANI)

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status terkini hutang berjumlah US$ 6.5 Billion oleh 1 Malaysia Development Berhad (1MDB) kepada Aabar Investment PJS (dibawah International Petroleum Investment Company (IPIC) Abu Dhabi, dan bilakah hutang tersebut akan dilangsaikan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini, 1MDB tidak berhutang sebanyak AS$6.5 bilion kepada Aabar Investments PJS atau IPIC. Justeru itu, tidak timbul isu bila hutang tersebut akan dilangsaikan.

Namun demikian, pada masa ini terdapat kes timbang-tara atau *arbitration* (dengan izin) di antara pihak IPIC dan 1MDB yang masih lagi berlangsung di London Court of International Arbitration ("LCIA"). Kedua-dua pihak perlu menghormati garis panduan kerahsiaan dan publisiti atau *confidentiality and publicity guidelines* (dengan izin) pihak LCIA dan oleh itu, status kedudukan terkini kes tersebut tidak dapat diperincikan.